

Penggunaan Rutin Berfikir dalam Penulisan E-mel Rasmi

Dian Syahidah Abdul Aziz

dian_syahidah_abdul_aziz@schools.gov.sg

Siti Zainab Zainal

siti_zainab_zainal@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Yusof Ishak

Abstrak

Pelajar menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea dalam penulisan e-mel rasmi. Isi perenggan yang dikarang kurang berstruktur dan tidak dihuraikan secara mendalam. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan rutin berfikir dalam meningkatkan keupayaan pelajar untuk menghuraikan idea. Rutin berfikir, Jana-Susun-Kait-Hurai (*Generate-Sort-Connect-Elaborate*) dan Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*) telah digunakan untuk membantu pelajar mengembangkan idea dalam penulisan e-mel rasmi. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan rutin berfikir dalam pembelajaran berupaya menggalakkan pemikiran yang lebih kritikal dan meningkatkan peluasan idea pelajar. Secara keseluruhan, pelajar dapat menjana idea berdasarkan perspektif yang pelbagai dan menghuraikan idea secara tuntas.

Kata Kunci: rutin berfikir, kemahiran berfikir, e-mel rasmi, menjana idea, pemikiran kritikal

PENGENALAN

Aktiviti penulisan merupakan satu perkara yang kurang diminati oleh sesetengah pelajar kerana mereka menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea. Hal ini disebabkan pelajar terhambat akibat ketandusan idea dan kosa kata yang terhad. Untuk membantu pelajar menghasilkan penulisan yang bermutu, guru perlu menggunakan strategi pengajaran yang sesuai bagi membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

Pendekatan Menjadikan Pemikiran Lebih Jelas (*Making Thinking Visible*) dapat membantu pelajar berfikir secara kritis dan ini menepati objektif kemahiran abad ke-21. Dengan mengaplikasikan rutin-rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu, pelajar dapat berfikir secara berstruktur dan guru dapat melihat dengan jelas proses pemikiran pelajar. Rutin-rutin berfikir terbahagi kepada tiga jenis kelompok yang dapat membantu dalam proses pemikiran para pelajar. Pertama, rutin untuk memperkenalkan dan meneroka idea. Kedua, rutin untuk mensintesis dan menyusun idea dan terakhir, rutin untuk meneroka idea dengan lebih mendalam.

Antara strategi yang diaplikasikan dalam pengajaran penulisan e-mel rasmi ialah Menjana-Menyusun-Menghubungkan-Menghuraikan (*Generate-Sort-Connect-Elaborate*) [GSCE] dan Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*) [CoV]. Strategi ini dapat menggalakkan pemikiran yang mendalam dengan merangsang pelajar untuk meneroka idea-idea yang baharu dan membantu mereka menjana idea-idea yang bernas untuk menjawab soalan e-mel rasmi.

Dengan memanfaatkan portal SLS dan juga perisian e-pedagogi *Google Slides*, para pelajar juga berpeluang untuk memberi maklum balas kepada rakan dan mendapat maklum balas daripada rakan dan guru dengan segera. Justeru, hal ini meningkatkan keyakinan pelajar dan sekali gus membolehkan mereka menghasilkan penulisan yang lebih tepat, jelas dan berkesan.



PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar secara amnya menghadapi kesukaran untuk menjana idea dan mengembangkan idea secara meluas dalam penulisan mereka. Pelajar didapati kurang mampu berfikir daripada sudut pandangan yang berbeza dan mengupas idea mereka dengan baik. Seseengah pelajar juga kurang mengamalkan persiapan pramenulis dengan melakukan perancangan yang teliti dan menganalisis topik yang diberikan. Ini menyebabkan idea-idea menjadi bercelaru dan tidak tersusun serta menghambat huraian isi karangan mereka. Ini menjejaskan prestasi pelajar dan mereka memperoleh markah yang kurang memuaskan dalam penulisan e-mel rasmi.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan strategi-strategi rutin berfikir;
2. meningkatkan keupayaan pelajar dalam menghuraikan isi bagi penulisan e-mel rasmi; dan
3. menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis semasa proses penulisan.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian *Project Zero* yang dijalankan oleh kumpulan pengkaji di *Harvard Graduate School of Education* pada tahun 2005, penggunaan rutin berfikir didapati amat berkesan dalam membangunkan dan meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan pelajar. Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran dapat membimbing pelajar untuk memproses cara mereka berfikir dan menyatakan pemikiran mereka secara jelas. Selain menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif di dalam kelas, rutin-rutin berfikir yang digunakan dapat meningkatkan tahap pemikiran dan peluasan idea pelajar.

Golongan pengkaji merasakan bahawa pelajar perlu memperlihatkan pemikiran mereka secara kritis dan sistematik dalam proses menjana idea



sebelum melakarkan isi bagi penulisan mereka. Setelah idea mereka dapat dijana dan disusun dengan baik, barulah para pelajar dapat berfikir dengan lebih mendalam lagi untuk mengembangkan idea mereka dan kemudian menghuraikan isi yang ingin mereka sampaikan.

Menurut Ron Ritchhart (2015), guru perlu mengenal pasti cara berfikir yang diperlukan untuk memandu pelajar mendalami topik pengajaran. Dengan memadankan rutin berfikir yang sesuai dengan matlamat pengajaran yang ingin dicapai, guru dapat mengembangkan pemikiran pelajar dan mengukuhkan pemahaman pelajar.

Oleh itu, dengan penggunaan rutin berfikir yang sesuai dalam usaha kajian ini, ia membolehkan pelajar mengaplikasikan teknik yang diajar untuk menulis e-mel rasmi yang lebih baik. Para pelajar dapat berfikir dengan lebih mendalam, menulis karangan mereka dengan lebih yakin dan menghasilkan penulisan e-mel rasmi yang bermutu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan strategi rutin berfikir yang diutarakan oleh Ron Ritchhart et al. (2011). Dua rutin telah dipilih untuk membantu pelajar mengembangkan idea mereka dalam penulisan e-mel rasmi. Rutin pertama berada dalam kelompok rutin untuk mensintesis dan menyusun idea, iaitu Menjana-Menyusun-Menghubungkait-Menghuraikan (*Generate-Sort-Connect-Elaborate*) [GSCE]. Rutin kedua pula berada dalam kelompok rutin untuk meneroka idea dengan lebih mendalam iaitu Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*) [CoV].

Rutin berfikir GSCE ini dipilih untuk membantu pelajar mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar, menjana pelbagai idea terhadap sesuatu topik yang dikemukakan dan kemudiannya, menggalakkan para pelajar menyusun idea mereka sebelum menghuraikan idea tersebut dalam bentuk penulisan. Rutin berfikir CoV pula digunakan untuk meneroka pelbagai pandangan daripada perspektif-perspektif yang berbeza. Rutin ini menggalakkan para pelajar untuk berfikir dengan lebih mendalam lagi berdasarkan perspektif yang berbeza bagi membantu mereka menjawab soalan e-mel rasmi pada akhir



pengajaran. Melalui rutin-rutin ini, pelajar dapat menjana dan mengembangkan idea secara terperinci dalam penulisan e-mel rasmi mereka. Di samping itu, perisian e-pedagogi *Google Slides* serta portal SLS dimanfaatkan sebagai portal untuk menjalankan pengajaran.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 4 Normal Akademik yang memiliki tahap kebolehan yang pelbagai. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 23 pelajar. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk mengasah kemahiran menulis bagi komponen e-mel rasmi. Mereka telah diajar struktur dan cara penulisan e-mel rasmi sejak Menengah 1. Namun, mereka tidak begitu cenderung menjawab soalan e-mel rasmi kerana tidak begitu yakin dalam memberikan isi-isi yang relevan dan mencukupi. Mereka juga menghadapi masalah menjana dan mengembangkan idea secara meluas dan mendalam. Oleh itu, huraian isi yang diberikan kurang jelas dan tidak menyeluruh.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan ialah rutin berfikir GSCE dan CoV. Keupayaan pelajar dinilai dari segi cara pelajar menghuraikan perenggan isi. Pemerhatian guru terhadap pemahaman pelajar menggunakan rutin berfikir juga diambil kira dalam kajian ini. Bahan bacaan dan video digunakan untuk merangsang minat pelajar terhadap topik pengajaran. Selain itu, tugas kerja berkumpulan memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi idea dan pemikiran mereka semasa perbincangan dan pembentangan. Markah bagi dua ujian kelas diambil untuk menilai keupayaan pelajar menghuraikan isi. Respons yang diberikan pelajar melalui borang soal selidik (praujian) dan borang refleksi (pascaujian) juga diambil kira dalam menilai keberkesanan strategi rutin berfikir GSCE dan CoV.



Prosedur Kajian

Sebelum sesi pengajaran dijalankan, pelajar diarahkan untuk mengisi borang soal selidik menerusi *Google Form*. Melalui analisis data yang dikumpulkan, guru mendapat gambaran mengenai penerimaan para pelajar terhadap penulisan e-mel rasmi dan tahap keyakinan pelajar dalam penulisan e-mel rasmi. Dapatan ini juga membantu guru untuk mengetahui tahap kesediaan para pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi pelajar sewaktu mengarang e-mel rasmi.

Prapengajaran dalam bentuk Kelas Berbalik (*Flipped Classroom*)

- Para pelajar diberikan tugas di portal SLS sebagai aktiviti prapengajaran sebelum pengajaran di kelas bermula. Mereka menonton video tentang ‘Bahaya Pencemaran Plastik’ dan membaca rencana-rencana mengenai langkah-langkah yang diambil oleh beberapa negara lain seperti England, New Zealand dan China (Hainan) dalam mengurangkan pencemaran pembuangan plastik. Melalui bacaan rencana dan juga tontonan video, para pelajar dikehendaki untuk mencungkil maklumat yang diperlukan dan menjawab soalan-soalan rangsangan dalam portal SLS sebelum mengikuti sesi pengajaran di dalam kelas.

Pengajaran 1

Langkah 1: Mencungkil Maklumat dan Berkongsi Maklumat

Sesi kelas bermula dengan mengimbas semula aktiviti prapengajaran yang telah pelajar lakukan. Guru memaparkan respons para pelajar di portal SLS dan meminta beberapa pelajar untuk menjelaskan respons mereka. Kemudian, pelajar diberikan masa untuk membaca dua rencana mengenai usaha mesra alam di Singapura. Rencana-rencana itu berkenaan dengan kempen “*The One Less Plastic*” iaitu usaha syarikat-syarikat perniagaan di Singapura untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, khususnya Yakult dan Kraftwich. Berdasarkan kedua-dua rencana tersebut, para pelajar menyenaraikan cara-cara yang telah dilakukan oleh syarikat Yakult & Kraftwich



untuk mengurangkan penggunaan plastik di dalam portal SLS dan kemudian berkongsi dapatan mereka.

Langkah 2: Berfikir Berdasarkan Perspektif

Guru kemudiannya beralih kepada perisian e-pedagogi *Google Slide* dan kemudiannya memberikan senario kepada para pelajar. Guru memainkan peranan sebagai *Plastic ACTion (PACT)* iaitu sebuah organisasi yang mempunyai misi untuk mengurangkan penggunaan plastik sebagai sebahagian daripada inisiatif *World Wide Fund for Nature (WWF)*. PACT ingin memberikan sokongan dana kepada syarikat-syarikat yang dapat memberikan saranan dan usulan 'Langkah-langkah Susulan Pendekatan Mesra Alam' yang meyakinkan. Justeru, para pelajar dikehendaki mengambil perspektif sebagai syarikat-syarikat tertentu yang ingin mengusulkan usaha bagi mengurangkan penggunaan plastik serta mengambil pendekatan yang lebih mesra alam.

Para pelajar dibahagikan kepada 5 kumpulan yang memainkan peranan sebagai syarikat-syarikat yang berbeza iaitu restoran makanan segera *McDonald's*, kafe *The Coffee Bean & Tea Leaf*, pusat makanan *Kopitiam*, pasar raya *Cold Storage* dan syarikat pakaian *Uniqlo*. Berdasarkan perspektif syarikat yang diberikan, para pelajar dibimbing melalui Rutin Berfikir GSCE untuk melakarkan peta minda bagi cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengurangkan penggunaan plastik. Sila lihat Rajah 1 dan 2 di bawah ini.

Rajah 1: Rutin GSCE

Langkah	Tindakan
Menjana (<i>Generate</i>)	Menjana idea dengan menyenaraikan idea dan pemikiran awal yang terlintas dalam fikiran ketika memikirkan topik atau isu.
Menyusun (<i>Sort</i>)	Menyusun idea dengan meletakkan yang lebih utama di tengah-tengah dan idea sampingan di bahagian luar.
Menghubungkait (<i>Connect</i>)	Menghubungkaitkan idea dengan melukis garis penghubung antara idea yang mempunyai persamaan.
Menghuraikan (<i>Elaborate</i>)	Menghuraikan idea dan pemikiran dengan menambahkan idea baharu pada idea asal.

Rajah 2: Proses Rutin Berfikir GSCE Dalam Pengajaran

Menjana (Generate)	Dalam bentuk peta minda, para pelajar menjana idea berdasarkan perspektif yang diberikan. Ini boleh dilakukan secara individu ataupun <i>Round Robin</i> . Apa sahaja idea yang muncul dalam fikiran mereka akan dilakarkan dalam peta minda tersebut.
Menyusun (Sort)	Setelah menjana kesemua idea, para pelajar dikehendaki untuk menyusun idea-idea mereka. Idea-idea yang bertindan akan digabungkan. Para pelajar juga dikehendaki untuk mengumpulkan idea-idea yang hampir sama dalam cabang yang sama.
Menghubungkait (Connect)	Para pelajar kemudian menghubungkait idea-idea mereka dan lakarkan hubungan tersebut dengan mencari sub-topik yang sama.
Menghuraikan (Elaborate)	Setelah subtopik dikaitkan, para pelajar kemudiannya akan memilih satu isi yang mana mereka akan menghuraikan idea tersebut. Huraian dilakukan dalam bentuk perenggan. Pelajar perlu mengarang perenggan dengan menggunakan teknik ABM (Apa, Bagaimana, Mengapa/Manfaat). Respons ini kemudiannya ditanamkan dalam perisian <i>Google Slides</i> sebelum mereka membentangkan jawapan mereka.

Langkah 3: Kongsi Saranan

Setelah para pelajar melakarkan huraian saranan mereka, mereka dikehendaki untuk membentangkan perenggan saranan mereka. Setiap perenggan akan dinilai berdasarkan kerelevanan isi, kejelasan huraian dan contoh yang bersesuaian. Kemudian, guru mengaitkan pengajaran ini dengan pengajaran seterusnya yang mana para pelajar dikehendaki untuk menulis e-mel rasmi.

Pengajaran 2

Guru menjelaskan soalan e-mel rasmi kepada para pelajar. Para pelajar dikehendaki untuk mengenal pasti isi-isi penting dan kata kunci dalam soalan tersebut. Rutin berfikir kedua iaitu CoV digunakan dalam bahagian ini untuk membantu para pelajar berfikir dengan lebih mendalam lagi berdasarkan perspektif-perspektif berbeza yang diperlukan dalam soalan yang diberikan. Selain daripada perspektif syarikat yang diberikan pada pengajaran pertama, pelajar perlu membuat tambahan isi dengan memikirkan tentang perspektif-perspektif lain seperti pihak sekolah, media massa, pemerintah dan sebagainya.



Berpandukan peta minda yang telah dilakarkan pada pengajaran pertama, secara individu para pelajar akan melakarkan peta minda kedua berdasarkan kehendak soalan e-mel.

Soalan e-mel rasmi memerlukan pelajar untuk mengirim e-mel kepada pihak Agensi Persekitaran Kebangsaan (NEA) untuk menyatakan masalah dan kesan mengenai pencemaran pembuangan plastik. Mereka juga memberikan saranan-saranan bagaimana masyarakat Singapura boleh mengurangkan pencemaran pembuangan plastik. Justeru, mereka harus memberikan isi berdasarkan perspektif-perspektif yang berbeza.

Peta minda mereka akan mempunyai cabang-cabang yang lain iaitu masalah dan kesan pencemaran plastik serta perspektif-perspektif yang berbeza selain daripada perspektif syarikat yang diambil sewaktu pengajaran pertama. Setelah pelajar selesai melakarkan peta minda, pelajar akan menulis e-mel rasmi secara individu. Guru meneliti hasil penulisan pelajar dan memberikan lapor balik tentang prestasi pelajar dalam latihan penulisan tersebut. Hanya aspek isi sahaja yang dinilai.

Pada akhir sesi pengajaran, pelajar melengkapkan borang lapor balik yang disediakan. Aktiviti pascaujian ini berbentuk borang refleksi yang dihasilkan menggunakan *Google Forms* dan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pandangan pelajar tentang keberkesanan penggunaan rutin berfikir GSCE dan CoV ini dalam membantu mereka meneliti kehendak soalan dan menghuraikan isi dalam penulisan. Dapatan yang dikumpulkan dianalisis secara terperinci.

Seterusnya, guru membandingkan dapatan markah Ujian 1 dan Ujian 2 secara kualitatif. Kedua-dua ujian ini berbentuk penulisan e-mel rasmi. Ujian 1 dijalankan sebelum pelajar melalui pengajaran yang menerapkan rutin berfikir manakala Ujian 2 pula dijalankan selepas pengajaran.




DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Praujian Menggunakan Borang Selidik

Dapatan daripada borang selidik menunjukkan kebanyakan pelajar tidak begitu yakin menulis e-mel rasmi berbanding dengan e-mel tidak rasmi. 60.9% pelajar menyatakan bahawa mereka kurang yakin menulis e-mel rasmi, malah 30.4% menyatakan bahawa mereka sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan. Justeru, para pelajar lebih cenderung menjawab soalan e-mel tidak rasmi berbanding soalan e-mel rasmi. Sila lihat Rajah 3.

Rajah 3: Soal Selidik - Praujian

Soalan 1: Bagi penulisan e-mel, saya kurang yakin menulis e-mel rasmi berbanding dengan e-mel tidak rasmi.




Berdasarkan Rajah 4, kebanyakan pelajar menghadapi masalah dari segi menjana idea dan juga menghuraikan isi yang diperlukan bagi menjawab soalan e-mel rasmi. Ada antara pelajar juga menghadapi kesukaran untuk mendalami watak ataupun perspektif yang diberikan dalam soalan e-mel rasmi.



Rajah 4: Masalah Utama Menyelesaikan E-mel Rasmi

Soalan 2: Masalah utama yang saya hadapi sewaktu membuat tugas e-mel rasmi



Setelah guru mengenal pasti keperluan dan keprihatinan pembelajaran pelajar dalam penulisan e-mel rasmi, guru membuat perancah pembelajaran dengan menerapkan dua rutin berfikir GSCE dan CoV dalam pembelajaran penulisan karangan e-mel rasmi. Berikut merupakan dapatan daripada pascaujian yang dijalankan setelah penerapan dua rutin berfikir GSCE dan CoV dilaksanakan dalam pembelajaran.

Pascaujian Menggunakan Borang Soal Selidik


Para pelajar memberikan maklum balas yang positif terhadap penggunaan video-video dan rencana-rencana yang diberikan, proses pembelajaran melalui penggunaan portal SLS, perisian *Google Slides* serta peta minda yang dihasilkan. Pascaujian juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas pelajar berkenaan strategi yang digunakan oleh guru bagi merangsang pembelajaran. Pelajar memberikan maklum balas yang positif terhadap penggunaan kedua-dua rutin berfikir GSCE dan CoV seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 5.

Berdasarkan maklum balas guru, pelajar dapat memberikan hujah-hujah serta huraian-huraian yang bermutu. Para pelajar lebih mampu menjana idea dan mengembangkan idea mereka dengan menyertakan contoh yang kukuh dan huraian yang relevan. Penggunaan rutin berfikir GSCE dan CoV dalam bentuk lakaran peta minda juga dapat merangsang pembelajaran, mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar dan membantu pelajar mendalami perspektif-perspektif yang pelbagai dalam tuntutan soalan e-mel rasmi yang diberikan.

Merujuk pada maklum balas yang diberikan oleh pelajar, kebanyakan pelajar memberikan respons yang positif. Terdapat beberapa pelajar yang merasakan bahawa penggunaan kedua-dua rutin berfikir GSCE dan CoV membantu mereka dalam beberapa perkara seperti menjana idea yang pelbagai, mengembangkan idea dengan lebih jelas serta membantu mereka melihat dari sudut perspektif-perspektif yang berbeza. Ini dapat dilihat dalam Rajah 5.

Rajah 5: Maklum Balas-Pascaujian

Soalan 4: Penggunaan rutin berfikir (Menjana-Menyusun-Menghubungkan-Menghurai (Generate-Sort-Connect-Elaborate) & Sudut Pandangan (Circle of Viewpoints) membantu kamu dalam perkara-perkara ini.




Berdasarkan ujian kelas yang diberikan, terdapat peningkatan dari segi prestasi pelajar dalam penulisan e-mel rasmi. Markah purata praujian (Ujian 1) dan pascaujian (Ujian 2) menunjukkan peningkatan dari segi markah mereka.



Namun, terdapat sejumlah kecil pelajar yang masih tidak menunjukkan peningkatan walaupun telah melalui proses strategi rutin berfikir. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang lemah dalam subjek bahasa Melayu dan penulisan mereka terjejas disebabkan kosa kata yang terhad.

Rajah 6: Perbandingan Markah Pelajar



Dapatan kajian menunjukkan rutin berfikir GSCE dan CoV ini membantu pelajar daripada pelbagai keupayaan memberikan pandangan mereka. Pelajar juga memperlihatkan sikap yang positif dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran di dalam kelas. Pelajar yang biasanya pendiam dan kurang aktif juga ingin melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti berkumpulan. Berdasarkan hasil peta minda yang didokumentasikan, guru juga dapat meninjau dan melihat tahap pemikiran dan kebolehan setiap pelajar.

Penggunaan rutin berfikir telah membantu pelajar meningkatkan keupayaan mereka dalam menjana idea dan mengembangkan idea secara kritis, kreatif, meluas dan mendalam. Dua strategi rutin berfikir yang digunakan mampu membantu para pelajar secara berstruktur dan akhirnya membantu para pelajar dari segi pengembangan isi dalam penulisan e-mel rasmi. Ia merangsang pelibatan pelajar secara aktif serta menanam sikap ingin tahu dalam diri pelajar tentang sesuatu topik dan menggalakkan para pelajar berfikir dengan lebih mendalam lagi berdasarkan perspektif-perspektif yang diberikan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan rutin berfikir dapat membantu para pelajar menjana idea dengan berkesan bagi penulisan e-mel rasmi. Hasil kajian ini bermakna bagi pelajar kerana ia merupakan satu cara untuk pelajar meningkatkan kemahiran menulis dengan menggunakan rutin berfikir. Walaupun pelajar biasanya kurang berminat untuk menjawab soalan e-mel rasmi, guru dapat meningkatkan keyakinan pelajar dengan menggunakan strategi rutin berfikir dan kaedah pengajaran yang sesuai. Memandangkan rutin berfikir GSCE yang digunakan dalam kajian ini merupakan rutin yang digunakan buat pertama kali, guru perlu memberikan pendedahan yang lebih kerap bagi memastikan para pelajar dapat mengaplikasikan rutin ini dalam pembelajaran mereka.

Rutin berfikir dapat membina kemampuan pelajar berfikir dengan jelas dan meningkatkan pemahaman pelajar. Rutin berfikir juga menyediakan struktur dan perancahan yang boleh digunakan oleh guru untuk membantu pelajar mencapai sesuatu matlamat. Guru harus bijak memilih rutin-rutin berfikir yang sesuai dengan kemahiran dan objektif pengajaran yang ingin dicapai. Guru juga boleh menerapkan penggunaan rutin-rutin berfikir bagi komponen-komponen lain dalam PdP bahasa Melayu.

Matlamat utama yang ingin dicapai melalui penggunaan rutin-rutin berfikir adalah untuk menjadikannya satu kebiasaan dalam diri pelajar agar mereka dapat mengaplikasikan rutin berfikir dalam pelbagai konteks. Sekiranya pelajar mahir berfikir dengan lebih mendalam, pelajar akan mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, bertanya, melakukan refleksi dan tabah untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran. Hal ini sejajar dalam mencapai kemahiran abad ke-21 dan juga hasil pendidikan yang diinginkan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Ishak bin Lias



RUJUKAN

- Ritchhart, R., Church, M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible. How to promote engagement, understanding and independence for all learners.* San Francisco: Jossey-Bass.
- Ritchhart, R. (2015). *Creating cultures of thinking: The 8 forces we must master to truly transform Our Schools.* San Fransisco: Jossey-Bass.
- Salmon, A. K. (2016). *How Visible Thinking Enhances Children's Learning.* Dirujuk pada 4 November 2020 daripada <https://www.childcareexchange.com/article/how-visible-thinking-enhances-childrens-learning/5023215/>
- Ritchhart, R. Gardner, H. (2005). *Project Zero.* Dirujuk pada 4 Disember, 2017 daripada <http://www.pz.harvard.edu/projects/visible-thinking>
- Visible Thinking. Dirujuk pada 4 November 2020 daripada <http://www.pz.harvard.edu/projects/visible-thinking>